

Learning Intention: Baca dan faham dialog perbualan.

Devi	: Apa khabar Hisyam?
Hisyam	: Khabar baik , Devi.
Devi	: Cuti sekolah baru-baru ini awak pergi bercuti ke mana?
Hisyam	: Oh, saya pergi bercuti ke Jakarta selama seminggu .
Devi	: Apakah yang awak buat di Jakarta?
Hisyam	: Saya melawat Samudra Dolphin Park, Zoo Ragunan dan Taman Mini Indonesia Indah.
Devi	: Wah, seronoknya!
Hisyam	: Ya, betul. Saya juga dapat melawat Pulau Bidadari. Bagaimana pula dengan awak, Devi?
Devi	: Saya tidak pergi ke mana-mana. Saya membantu ibu memasak dan berniaga .
Hisyam	: Bagus, Devi! Ibu awak berniaga apa?
Devi	: Ibu saya menjual samosa di gerai .
Hisyam	: Wah, sedapnya!
Devi	: Baiklah, Hisyam. Saya mahu pulang untuk membantu ibu saya.
Hisyam	: Selamat jalan , Devi.
Devi	: Selamat tinggal, Hisyam.

Aktiviti: Taip BETUL atau SALAH pada pernyataan berikut.

- | | | |
|---|---|---|
| 1. Devi berbual dengan ibunya. | [|] |
| 2. Hisyam bercuti ke Jakarta. | [|] |
| 3. Hisyam pergi bercuti selama sebulan. | [|] |
| 4. Hisyam dapat melawat Pulau Bidadari. | [|] |
| 5. Hisyam membantu ibunya memasak dan berniaga. | [|] |
| 6. Ibu Devi menjual samosa di gerai. | [|] |